



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (83)

SIARAN MEDIA

DOF TERUS IMBANGI KEPERLUAN NELAYAN DAN KELESTARIAN SUMBER PERIKANAN

PUTRAJAYA, 17 Julai 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengekalkan pendekatan pengurusan pelesenan vesel penangkapan ikan sebagai salah satu mekanisme bagi memastikan sumber perikanan negara dapat diurus secara mampan, di samping mengambil kira keperluan komuniti nelayan yang bergantung kepada sektor perikanan sebagai sumber pendapatan.

Pelaksanaan sistem pelesenan adalah selaras dengan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] dan Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelautan) (Pelesenan Vesel Penangkapan Ikan Tempatan) 1985. Pendekatan ini bertujuan mengawal kapasiti penangkapan ikan agar sumber perikanan negara terus terpelihara dan dapat dimanfaatkan secara berterusan.

Berdasarkan rekod DOF, sebanyak 16,894 vesel sampan direkodkan di seluruh negara pada tahun 2025. Hasil kajian taksiran sumber perikanan yang dijalankan bagi tempoh 2013 hingga 2016 pula menunjukkan biomas stok ikan negara hanya berbaki antara 16 hingga 48 peratus berbanding stok asal pada era 1960-an. Dapatan ini menjadi antara asas kepada pelaksanaan langkah pengurusan sumber perikanan secara berterusan.

Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan berkata, pengurusan pelesenan bukan sekadar proses pentadbiran, sebaliknya merupakan sebahagian daripada usaha memastikan aktiviti penangkapan ikan dapat diteruskan secara bertanggungjawab tanpa menjejaskan kelestarian sumber.

"Jabatan memahami bahawa aktiviti penangkapan ikan merupakan sumber rezeki utama bagi ramai nelayan, khususnya nelayan tradisional. Atas sebab itu, setiap dasar yang dilaksanakan mengambil kira keseimbangan antara keperluan komuniti nelayan dengan tanggungjawab memelihara sumber perikanan negara supaya manfaatnya dapat dinikmati secara berterusan," katanya.

Beliau berkata, DOF sentiasa menilai pelaksanaan sistem pelesenan dari semasa ke semasa bagi memastikan ia memenuhi keperluan semasa sektor perikanan serta memberi peluang kepada individu yang benar-benar layak dan bergantung kepada sektor tersebut sebagai sumber pendapatan utama.


Bagi nelayan yang belum memiliki lesen, DOF menyediakan peluang melalui Program Pemutihan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mengisi kekosongan lesen yang telah dibatalkan. Selain itu, nelayan pesisir pantai juga boleh mengemukakan permohonan lesen sampan khas melalui Pejabat Perikanan Daerah untuk dipertimbangkan mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

"DOF sentiasa membuka ruang kepada nelayan yang layak untuk mendapatkan lesen melalui mekanisme yang disediakan. Program Pemutihan dan permohonan lesen sampan khas memberi peluang kepada mereka untuk beroperasi secara sah, sekali gus membolehkan akses kepada pelbagai bantuan dan inisiatif Kerajaan yang disediakan untuk komuniti nelayan," katanya.

Pada tahun 2024, sebanyak 915 lesen telah diluluskan di seluruh negara, termasuk 31 lesen bagi negeri Perak. Manakala pada tahun 2025, sebanyak 800 lesen telah diluluskan di seluruh negara, termasuk tujuh lesen bagi negeri Perak.

Pengurusan pelesenan yang dilaksanakan oleh DOF bertujuan memastikan keseimbangan antara keperluan komuniti nelayan dengan usaha memelihara sumber perikanan negara. Pendekatan ini membolehkan lebih ramai nelayan yang layak menjalankan aktiviti penangkapan ikan secara sah serta menikmati pelbagai kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan, di samping menyokong kelestarian sumber perikanan untuk jangka panjang

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my